



No. Sebut Harga : MPK.PS 01/2493 (1)

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Kementerian atau Jabatan :

MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
NO. 192 PERSIARAN JUBLI EMAS
01000 KANGAR
PERLIS.

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

Bil	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan	Deposit Sebutharga
1.	Lori Hicom Perkasa RE 5690	1	RM 9,000.00	RM 900.00
2.	Isuzu Rodeo RE 2266	1	RM 7,500.00	RM 750.00
3.	Isuzu Pick Up RC 4703	1	RM 3,000.00	RM 300.00
4.	Mitsubishi Pajero RE 1881	1	RM 8,300.00	RM 830.00

2. Aset boleh dilihat pada **02 Ogos 2016 hingga 04 Ogos 2016 jam 10.00 pagi hingga 12 tengahari** di Garaj Tapak Semaian Majlis Perbandaran Kangar, Sungai Batu Pahat, Perlis.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut Harga MPK.PS 01/2493 (1) dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat **Majlis Perbandaran Kangar No. 192 Persiaran Jubli Emas, 01000 Kangar, Perlis.**
5. Tarikh tutup sebut harga pada **09 Ogos 2016 jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR,
PERLIS.

26 Julai 2016

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakhluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak **10%** daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM 5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman wang / wang pos / draf bank atau Cashier's Order sahaja atas nama **Majlis Perbandaran Kangar, Perlis.**
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is-basis).
5. Majlis Perbandaran Kangar ini tidak akan bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. **Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.**
8. Pembeli yang Berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.